

KERJAYA & KAUNSELING

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR, UiTM SHAH ALAM

Edisi Julai - Sept 2022



<https://careercounselling4u.uitm.edu.my/>



Career & Counselling Centre, Universiti Teknologi MARA



@careercounsellingcentreforuitm

PROGRAM KERJASAMA INDUSTRI: GRADUAN RONDA-RONDA UNI



Pusat Kerjaya dan Kaunseling telah mengadakan program kerjasama industri bersama syarikat GRADUAN pada 5 Julai 2022.

Program yang diberi nama GRADUAN Ronda Ronda Uni bertujuan untuk mempromosikan GRADUAN Aspire, satu karnival kerjaya yang akan berlangsung pada bulan Ogos.



Seramai tiga wakil daripada syarikat GRADUAN hadir untuk memberi penerangan dan juga mengagihkan makanan ringan kepada para pelajar UiTM di Dataran Cendekia.

2 Pegawai Psikologi daripada Pusat Kerjaya dan Kaunseling juga turut serta dalam program ini bagi memantau keadaan. Program ini dijangka dapat membantu para pelajar mendapatkan pekerjaan melalui karnival kerjaya yang diadakan oleh syarikat tersebut.

CAREER MEET UP : ZOHL CONSULTANCY SDN BHD COSHARE SDN BHD UNILIN (MALAYSIA) SDN BHD

Pada 4 Ogos 2022, seramai 5 orang Pegawai Psikologi di bawah unit kerjaya telah bertemu dengan 2 wakil dari Unilin (Malaysia) Sdn Bhd melalui platform Microsoft Teams.

Satu perjumpaan bersama syarikat ZOHL Consultancy Sdn Bhd telah diadakan pada 19 Julai 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat HEP. Seramai 5 pegawai psikologi di bawah unit kerjaya terlibat dalam perbincangan bersama majikan terlibat.

Hasil perbincangan daripada perjumpaan tersebut telah bersetuju tentang beberapa perkara. Pihak Pusat Kerjaya dan Kaunseling akan membantu menghebahkan tentang program MYSTEP kepada para pelajar UiTM.

Program ini merupakan dana daripada Khazanah Nasional dan dijangka dapat membantu menangani isu pengangguran di Malaysia terutamanya dalam kalangan graduan.

Perbincangan bersama majikan, Coshare Sdn Bhd telah diadakan pada 19 Julai 2022 di Bilik Mesyuarat Bahagian HEP UiTM. 5 orang Pegawai Psikologi terlibat bersama 2 orang wakil majikan dalam perbincangan ini.

Unilin (Malaysia) Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang berfokuskan reka bentuk dalaman dan industri pembinaan.

Perbincangan adalah mengenai pengenalan syarikat, pengenalan industri dan juga aktiviti kerjasama yang boleh dilakukan untuk manfaat kepada pelajar UiTM dalam membantu pembangunan kerjaya dan juga kebolehpasaran graduan.

Pihak majikan juga akan membantu untuk dari segi menyediakan penceramah berkaitan industri dan kerjaya jika diperlukan.





PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budisiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

03 - 5544 2630/2379/3211/3496
pkk@uitm.edu.my

